

09 AUG 1998

Mahathir-Badminton

PERDANA MENTERI TEGUR SIKAP PEGAWAI DAN PEMAIN BADMINTON

LANGKAWI, 9 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegur sikap pegawai dan pemain badminton negara yang mengutamakan pendirian masing-masing daripada kepentingan negara.

"Pemain dan pegawai masing-masing macam tak pandang berat tentang masalah kepentingan negara tetapi lebih mengutamakan pendirian masing-masing," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas krisis yang melanda skuad badminton negara dalam menghadapi Sukan Komanwel.

"Saya tak nak campur tangan dalam perkara ini," katanya kepada pemberita selepas melawat Lapang Sasar Menembak Antarabangsa Langkawi Malaysia (LISRAM) di sini.

Krisis itu melibatkan persoalan penyertaan pemain perseorangan Roslin Hashim dalam skuad negara ekoran kegagalannya menghadiri latihan pusat.

Persatuan Badminton Malaysia (BAM) berkeras enggan menyenaraikannya atas faktor tidak menghadiri latihan pusat manakala Roslin berpendirian mahukan Misbun Sidek sebagai jurulatihnya.

BAM pada mulanya menyenaraikan Roslin dalam senarai pemain skuad negara bagi Sukan Komanwel tetapi kemudian digugurkan ekoran gagal meneruskan latihan pusat bersama pemain lain.

"Saya rasa cara paling senang sekali buat macam (saranan kartunis) Lat dan Mat Desa supaya mereka lawan bertumbuk siapa menang, dia masuk," kata Dr Mahathir.

Mengenai tinjauannya ke Lisram, Perdana Menteri yang berpuas hati dengan persiapan yang dijalankan berkata para penembak dalam dan luar negara juga berpuas hati serta menganggap ia sebagai salah satu lapang sasaran yang terbaik di dunia.

Beliau mencadangkan agar lanskap kawasan itu ditanam dengan lebih banyak lagi pokok.

Lisram yang dibina dengan belanja kira-kira RM80 juta merupakan lapang sasaran yang lengkap dengan sistem pemarkahan termoden akan menjadi gelanggang acara menembak Sukan Komanwel mulai 11 hingga 21 September.

-- BERNAMA

NH/JM ZAB